

Sultan Sharafuddin mencemar duli merasmikan Masjid Raja Lumu di Pekan Lama Kuala Selangor pada 6 Oktober.
Foto REMY ARIFIN

# Sultan rasmi Masjid Raja Lumu

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan merasmikan Masjid Raja Lumu yang dahulunya dikenali sebagai Masjid Pekan Lama Kuala Selangor pada 6 Oktober.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga memberi perkenan mengiktiraf Masjid Raja Lumu yang dinaik taraf dengan kos RM10.4 juta sebagai masjid diraja kesembilan di negeri ini.

Baginda bertitah masjid itu dipilih sempena nama Raja Lumu, Sultan Selangor pertama dengan gelar Sultan Salehuddin Shah yang memerintah antara 1766 hingga 1782.

"Ini sangat bertepatan kerana mengikut catatan sejarah, Raja Lumu ditabal sebagai Sultan Selangor di Kuala Selangor dan bersemayam di atas Bukit Malawati yang dahulunya dikenali sebagai Bukit Selangor.

Sultan Sharafuddin berharap masjid dengan seni bina menarik itu menjadi daya tarikan utama kepada kariah untuk beribadah selain menggamit pelancong dalam dan luar negara ke Kuala Selangor.

"Beta percaya masjid ini memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan serta kesan peninggalan sejarah yang masih boleh dapat dilihat di Kuala Selangor," titah Baginda.